

FREDERICK ANG KING POH v ABDUL RASID BIN SUDIN PENGERUSI, LEMBAGA PENCEGAHAN JENAYAH DAN LAIN-LAIN

CaseAnalysis
[2022] MLJU 91

Frederick Ang King Poh Iwn Abdul Rasid bin Sudin Pengerusi, Lembaga Pencegahan Jenayah dan Iain-lain [2022] MLJU 91

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

AHMAD KAMAL MD SHAHID H

PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO WA-25-372-12 TAHUN 2020

27 January 2022

*Mohd Haijan bin Omar (Daljit Singh bersamanya) (Daljit Singh Partnership) bagi pihak pemohon.
Zulkipli bin Abdullah (Peguam Kanan Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden.*

Ahmad Kamal Md Shahid H:

Alasan PenghakimanPengenalan

[1]Pemohon telah memfailkan Permohonan Semakan Kehakiman (Lampiran 7) terhadap Responden-Responden untuk mendapatkan perintah-perintah seperti berikut:-

- i. Suatu Perintah Certiorari untuk membatalkan keputusan Responden Pertama dan/atau Responden Kedua mengeluarkan Perintah Pengawasan Polis di bawah seksyen 15 Akta Pencegahan Jenayah, 1959 (**Akta tersebut**) yang bertarikh 17.09.2020 (**Perintah Pengawasan tersebut**) supaya Pemohon hendaklah, antara lain, dikehendaki tinggal dalam kawasan Mukim Tepus, Jajahan Bachok, Negeri Kelantan mulai 17.09.2020 sehingga 16.09.2022 selama dua (2) tahun;
- ii. Suatu perintah deklarasi bahawa Perintah Pengawasan tersebut yang dikeluarkan oleh Responden Pertama dan/atau Responden Kedua terhadap pemohon adalah batal tidak sah dan/atau tidak berkuatkuasa di sisi undang-undang;
- iii. Gantirugi Am, teruk dan/atau teladan;
- iv. Kos; dan
- v. Apa juar perintah dan/atau relif lain yang difikirkan patut dan/atau sesuai oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[2]Setelah meneliti dan menimbangkan segala kertas kausa, Hujahan Lisan dan Hujahan Bertulis kedua-dua pihak, mahkamah ini telah menolak Permohonan Semakan Kehakiman Pemohon di Lampiran 7.

[3]Terkilan dengan keputusan mahkamah ini, Pemohon telah memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

Latar Belakang Kes

[4]Pemohon telah ditangkap pada 22.7.2020 di bawah seksyen 3(1) Akta tersebut dan telah ditahan reman di bawah seksyen 4(1)(a) Akta tersebut untuk tempoh 21 hari dari 23.7.2020 sehingga 12.8.2020.

[5]Pada 12.8.2020, perintah reman di bawah seksyen 4(2)(a) Akta tersebut telah diperolehi bagi tempoh 38 hari sehingga 18.9.2020.

[6]Pegawai Penyiasat Inspektor Raveendharan a/l Sangaran telah mengemukakan laporan lengkap penyiasatan di bawah seksyen 4A Akta tersebut kepada Pegawai Inkuiри pada 7.8.2020 dan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah (**LPJ**) pada 13.8.2020.

[7]Pada 17.8.2020, Pegawai Inkuiri Aziatul Afrizan binti Alias telah menjalankan inkuiри di bawah seksyen 9 Akta tersebut.

[8]Pada 10.9.2020, Pegawai Inkuiри telah mengemukakan laporan Inkuiри dan Dapatan di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut kepada LPJ. Pegawai Inkuiри telah berpuas hati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa Pemohon terlibat dalam kumpulan seramai dua orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud-maksud yang meliputi perlakuan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan yang boleh didaftarkan di bawah Perenggan 2, Sahagian I, Jadual Pertama Akta.

[9]Pada 17.9.2020 jam 9.00 pagi, LPJ telah bersidang dan setelah mempertimbangkan laporan Pegawai Inkuiри di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut dan laporan lengkap Pegawai Penyiasat Polis di bawah seksyen 4A Akta tersebut, LPJ telah berpuas hati bahawa terdapat alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa Pemohon ialah orang yang terlibat dalam kumpulan seramai dua orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud-maksud yang meliputi perlakuan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan yang boleh didaftarkan di bawah Perenggan 2, Sahagian I, Jadual Pertama Akta tersebut. Oleh itu, LPJ telah mengesahkan dapatan Pegawai Inkuiри menurut peruntukan seksyen 10A(2)(a) Akta tersebut.

[10]Pada 17.9.2020 jam 9.30 pagi, LPJ telah memaklumkan kepada Timbalan Pendaftar Penjenayah mengenai pengesahan Dapatan Pegawai Inkuiри di bawah seksyen 10A(2)(a) Akta tersebut dan nama Pemohon hendaklah dimasukkan ke dalam Daftar di bawah seksyen 12(1) Akta tersebut. Kemudiannya, LPJ telah dimaklumkan oleh Timbalan Pendaftar Penjenayah bahawa nama Pemohon telah didaftarkan di dalam Daftar.

[11]Pada 17.9.2020 jam 11.00 pagi, LPJ telah bersidang dan telah berpuas hati bahawa Pemohon adalah seorang yang telah didaftarkan menurut seksyen 12(1) Akta tersebut. Seterusnya, LPJ telah mengeluarkan Perintah Pengawasan tersebut terhadap Pemohon bagi tempoh dua (2) tahun mulai 17.9.2020 hingga 16.9.2022.

Hujahan Pemohon

[12]Pemohon menghujah bahawa Perintah Pengawasan tersebut adalah tidak sah dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atas sebab-sebab dan alasan yang berikut:-

- i. seksyen 158 Akta tersebut adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan;
- ii. syarat yang dikenakan terhadap Pemohon, iaitu perenggan (f) di dalam ekhibit ‘FA-1’ Afidavit Sokongan Pemohon adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan;
- iii. serahan Perintah Pengawasan tersebut ke atas Pemohon tidak menurut peruntukan Akta tersebut dan/atau undang- undang sedia ada yang berkenaan;
- iv. alasan-alasan atas mana Pemohon diarahkan untuk pengawasan seperti mana dinyatakan di dalam Perintah Pengawasan tersebut adalah tidak termasuk dalam lingkungan dan skop Akta yang digunakan oleh Responden untuk perintahkan pengawasan polis Pemohon; dan

- v. tiada peruntukan dibuat dalam undang-undang tersebut untuk Lembaga sepetimana perlu di bawah Perlembagaan Persekutuan.

[13]Pemohon sesungguhnya mempercayai dan menyatakan bahawa Responden Pertama dan/atau Responden Kedua telah secara tidak munasabah dan/atau tergesa-gesa mengeluarkan Perintah Pengawasan tersebut tanpa menjalankan siasatan yang sempurna dan ini memprejudisikan Pemohon kerana alasan-alasan dan dakwaan-dakwaan fakta Perintah Pengawasan tersebut adalah tidak mempunyai asas dan bertentangan dengan undang-undang.

[14]Pemohon sesungguhnya menegaskan bahawa Pemohon tidak pernah pada bila-bila masapun terlibat dalam apa-apa aktiviti seperti dinyatakan dalam pengataan-pengataan fakta dalam Perintah Pengawasan tersebut. Oleh yang demikian segala alasan- alasan dan dakwaan yang dibuat terhadap Pemohon sepetimana dinyatakan di situ adalah tidak berasas dan seterusnya tindakan Responden Pertama . dan/atau Responden Kedua terhadap pemohon adalah bersifat mala fide secara khususnya fakta-fakta atas mana pemohon ditahan berlandaskan fakta-fakta yang salah.

[15]Pemohon juga menyatakan bahawa akibat tindakan Responden Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima, selaku majikan Responden Pertama sehingga Keempat sepetimana dinyatakan, Pemohon telahpun mengalami kecederaan, kerosakan dan/atau kehilangan di mana kebebasan Pemohon telahpun tersekat.

[16]Pemohon menyatakan bahawa tindakan Responden-Responden sama ada secara sendiri dan/atau bersama-sama sepetimana dinyatakan di atas adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, oppressif, arbitrarji, mekanikal dan melulu yang telah menyebabkan kerosakan dan kehilangan seterusnya kepada Pemohon.

Keputusan Mahkamah

[17]Peguam Pemohon yang terpelajar, Encik Mohd Haijan Omar semasa perbicaraan telah maklumkan kepada mahkamah yang Pemohon akan hanya bergantung kepada dua (2) isu sahaja untuk dihujahkan bagi mencabar Perintah Pengawasan tersebut iaitu:-

- a. **sama ada Pegawai Inkuiри mematuhi seksyen 9(3)(d) Akta tersebut.**
- b. **sama ada Inspektor Raveendharan a/l Sangaran adalah pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani Pernyataan Bertulis di bawah seksyen 4(2)(a)(ii) Akta tersebut.**

(a) **Sama ada Pegawai Inkuiри mematuhi seksyen 9(3)(d) Akta tersebut.**

[18]Peguam Pemohon telah menghujah bahawa Pegawai Inkuiри telah gagal mematuhi peruntukan seksyen 9(3)(d) Akta tersebut kerana gagal menyatakan sama ada laporan di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut ada menyatakan pernyataan mengenai hal keadaan dalam mana keterangan itu telah diterima (a statement of the circumstances in which the evidence was received)

[19]Seksyen 9(3)(d) Akta tersebut telah memperuntukkan seperti berikut:-

9. Duties and powers of Inquiry Officers

(3) An Inquiry Officer may, for the purpose of any inquiry under this Act-

- (a),
- (b),
- (c),

(d) if he considers it necessary in the public interest or to protect a witness, or his family or associates receive evidence in the absence of the person who is the subject of the inquiry:

Provided that where any such evidence is received the Inquiry Officer shall communicate to the person the substance of the evidence, so far as he may consider it compatible with the public interest or the need to protect a witness, or his family or associates so to do, and shall in every such case include in any report made under subsection 10(2) a statement of the circumstances in which the evidence was received;

(penekanan diberikan)

[20] Menurut Pemohon, Pegawai Inkuiри hanya mengatakan di dalam Afidavit Jawapannya bahawa beliau telah menghantar Dapatkan dan laporannya di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut kepada LPJ tetapi tidak menyatakan yang beliau telah memasukkan di dalam Dapatkan dan laporannya tersebut pernyataan mengenai hal keadaan dalam mana keterangan ini telah diterima (a statement of the circumstances in which the evidence was received).

[21] Dalam menangani isu yang dibangkitkan oleh Pemohon, mahkamah ini mengambil pendekatan untuk melihat kepada keseluruhan kertas-kertas kausa yang difaikkan di dalam kes ini terutamanya Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiри, Aziatul Afrizan binti Alias dan Afidavit Jawapan Pengerusi LPJ, Abdul Rasid bin Sudin bagi menentukan sama ada laporan Pegawai Inkuiри mengandungi pernyataan mengenai hal keadaan dalam mana keterangan ini telah diterima (a statement of the circumstances in which the evidence was received) bagi mematuhi seksyen 9(3)(d) Akta tersebut.

[22] Pendekatan mahkamah ini selari dengan nas undang-undang *PP v. Chean Hua Sey & Ors* [2008] 3 MLRH 88; [2008] 9 CLJ 657; [2008] 5 MLJ 426, Abang Iskandar Abang Hashim PK (sekarang Hakim Besar Sabah dan Sarawak) telah berkata: -

"[26] My reading of Tay Lay Beng's case (supra) has been that in order to vitiate a ministerial order of this nature, the omission or mistake that has been discovered on the face of record must be of such a nature that it has caused or occasioned a prejudice or injustice to the applicant. A mistake may be glaring, but if it has not prejudiced the applicant, it remained an innocuous one. For the mistake to be fatal to the order, it must be one that materially misleads the applicant in a manner that is so adverse to him, that no court of law can just stand idle and deny him any remedy such as a writ of habeas corpus. In assessing the impact of the mistake, the court is entitled to look at other available evidence before it, in its totality. The mistake must be tested to the events and ought not to be dealt with isolation or in a vacuum or in a void."

(penekanan diberikan)

[23] Sementara itu, Mohd Nazlan bin Mohd Ghazali HMT di dalam Kes *Wan Muhd Ridhuan Wan Abdullah v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Anor* [2019] 1 LNS 1894 juga telah merungkai mengenai isu ini apabila beliau berkata seperti berikut:-

"[72] The absence of corrective affidavit cannot therefore in this case to be fatal. It cannot be as the error is plainly clerical in nature. In the case of *Public Prosecutor v. Chean Hua Sey & Ors* [2008] 5 MLJ 426 which involved an application for writs of habeas corpus challenging the validity of the detention orders by the Minister of Internal Security (The Minister) under Section 4(1) of the Emergency Ordinance (Public Order and Prevention of Crime) 1969 (the 1969 Ordinance) the complaint was based on among others the ground that the issuance of two detention orders in respect of each applicant, one by Minister and the other purportedly by the Deputy Minister, had caused prejudice to them.

[73] The applicant referred to the notice of right to appeal served on the first applicant, wherein stated the word 'Timbalan Menteri' and thus inference were drawn that there could indeed be a second order issued by the Deputy Minister. The High Court rejected the argument, on the basis I now rely on too, as follows:

[47] In the circumstances such as those obtaining in these applications before me, I was of the considered view that as the references to the words "Timbalan Menteri" were mere typographical errors, no correcting affidavits needed to be filed. I

have found that there existed sufficient evidence in the affidavits for me to so conclude. I also ruled that the applicants were not in any way prejudiced in any manner by the apparent mistake in the notice issued to them under section 5 of the said 1969 Ordinance, as evidenced by the real and actual appearance of these applicants before the advisory board which heard and considered their representations accordingly."

(penekanan diberikan)

[24]Dengan mengaplikasikan prinsip yang dinyatakan di dalam nas-nas undang-undang di atas dengan fakta kes yang terdapat di dalam kes ini dan setelah meneliti keseluruhan keterangan dan kedua-dua Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiри (Lampiran 12) dan Afidavit Jawapan Pengerusi LPJ (Lampiran 11) saya mendapati Pegawai Inkuiри telah mematuhi kehendak seksyen 9(3)(d) Akta tersebut dengan menyatakan di dalam laporan inkuiри yang disediakan oleh Pegawai Inkuiри di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut ‘suatu pernyataan mengenai hal keadaan dalam mana keterangan ini telah diterima’ (a statement of the circumstances in which the evidence was received).

[25]Dapatkan saya tersebut adalah berdasarkan kepada sebab-sebab yang berikut:-

- a. Afidavit Jawapan Pengerusi LPJ (Lampiran 11) jelas membuktikan yang laporan Pegawai Inkuiри yang telah dihantar oleh Pegawai Inkuiри kepada LPJ mengandungi pernyataan mengenai hal keadaan dalam mana keterangan ini telah diterima (a statement of the circumstances in which the evidence was received)
- b. Ini jelas dapat dilihat di dalam perenggan 6 dan 7 di dalam Afidavit Jawapan Pengerusi LPJ apabila beliau berkata seperti berikut:-

“6. Pada 10.09.2020, Lembaga Pencegahan Jenayah telah menerima laporan yang mengandungi alasan-alasan serta Dapatkan terhadap Pemohon di bawah subseksyen 10(2) Akta tersebut yang telah disediakan oleh Pegawai Siasatan yang dilantik di bawah seksyen 8 Akta tersebut iaitu Aziatul Afrizan binti Alias.

7. Laporan terhadap Pemohon oleh Pegawai Siasatan tersebut yang mengandungi alasan-alasan serta Dapatkan turut mengandungi “statement of circumstances in which the evidence was received” yang dibuat menurut perenggan 9(3)(d) Akta tersebut. Pegawai Siasatan tersebut turut menyatakan bahawa beliau telah mendapati dan telah berpuas hati bahawa terdapat alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa Pemohon adalah anggota kumpulan seramai dua orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud-maksud yang meliputi perlakuan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan oleh itu Pemohon adalah termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan di bawah Perenggan 2, Sahagian I, Jadual Pertama, Akta tersebut.”

(penekanan diberikan)

- c. Selanjutnya saya mendapati walaupun Pegawai Inkuiри tidak secara khususnya mengatakan di dalam Afidavit Jawapannya (Lampiran 12) laporan inkuirinya mengandungi ‘pernyataan mengenai hal keadaan dalam mana keterangan itu telah diterima’ (a statement of the circumstances in which the evidence was received) tetapi mahkamah ini setelah meneliti Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiри (Lampiran 12) telah mendapati Pegawai Inkuiри telah dengan sewajarnya memaklumkan laporan inkuiри yang telah dihantar oleh beliau kepada LPJ telah mematuhi semua peruntukan undang- undang di bawah Akta tersebut.
- d. Ini jelas dapat dilihat di perenggan 14 Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiри (Lampiran 12) apabila beliau berkata:

“ sesungguhnya laporan ke atas Pemohon yang mengandungi alasan-alasan Dapatkan yang telah disediakan oleh saya menurut subseksyen 10(2) Akta tersebut yang telah dihantar kepada Lembaga Pencegahan Jenayah pada 10.09.2020 adalah sah dan sempurna serta mematuhi semua peruntukan undang-undang di bawah Akta tersebut ...”

- e. Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan hujahan Peguam Kanan Persekutuan yang terpelajar bahawa jika dilihat keterangan Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiri (Lampiran 12) dan Afidavit Jawapan Pengerusi LPJ (Lampiran 11) dan dibaca bersama adalah mencukupi untuk membuktikan pematuhan kehendak prosedur di bawah (limb kedua) proviso seksyen 9(3)(d) Akta tersebut Ut.
- f. Mahkamah ini mendapati Pemohon tidak memfailkan Afidavit Jawapan bagi menyangkal pernyataan Pegawai Inkuiri di perenggan 14 di dalam Afidavit Jawapannya (Lampiran 12) yang mengatakan laporan inkuiri yang disediakan oleh Pegawai Inkuiri di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut yang dihantar kepada LPJ pada 10.09.2020 adalah sah dan sempurna serta mematuhi semua peruntukan undang-undang di bawah Akta tersebut khususnya limb kedua proviso kepada seksyen 9(3)(d) Akta tersebut.
- g. Mahkamah juga berpandangan pernyataan sesuatu Afidavit oleh seseorang deponen hendaklah jelas dan terang bagi membolehkan pihak lawan menjawabnya dengan teratur. Dalam kes ini, mahkamah mendapati isu mengenai seksyen 9(3)(d) Akta tersebut bukan sahaja tidak dinyatakan dengan jelas dan terang tetapi langsung tidak pernah dibangkitkan dengan khusus di dalam Afidavit Sokongan Pomohon.
- h. Pada pandangan mahkamah keadilan hendaklah diberi bukan sahaja kepada Pemohon tetapi juga kepada Responden untuk menjawab Afidavit bagi membolehkan mahkamah ini membuat keputusan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Pemohon dengan adil dan saksama.
- i. Tambahan pula isu yang dibangkitkan oleh Pemohon adalah melibatkan persoalan fakta dan undang-undang dan ini sewajarnya perlu dijawab oleh Responden melalui Afidavit Jawapannya.
- j. Mahkamah berpendapat dengan membangkitkan isu ini melalui hujahan lisan dan bertulis, ianya jelas melanggar prosedur dan tatacara perbicaraan yang dijalankan melalui keterangan Afidavit.
- k. Sayugia diingatkan kes ini adalah merupakan Permohonan Semakan Kehakiman yang difailkan di bawah Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Oleh itu, syarat-syarat yang ketat sepertimana yang termaktub di dalam Aturan 53 tersebut hendaklah dipatuhi.
- l. Sekiranya isu seksyen 9(3)(d) Akta tersebut adalah fakta penting dan material bagi Pemohon, sewajarnya fakta material ini didedahkan di dalam Kenyataan (Statement) menurut Aturan 53 Kaedah 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.
- m. Mahkamah mendapati dengan hanya membangkitkan isu seksyen 9(3)(d) Akta tersebut di dalam Hujahan Bertulis dan lisan tanpa menyatakannya secara khusus di dalam Kenyataan (statement) dan Afidavit Sokongan ianya jelas menunjukkan Pemohon telah gagal untuk mendedahkan 'full and frank disclosure' di dalam Permohonan Semakan Kehakimannya semasa memohon kebenaran (Leave) daripada mahkamah dan dengan itu gagal mematuhi Aturan 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

[Sila rujuk *Tuan Haji Sarip Hamid & Anor v. Patco Malaysia Berhad* [1995] 1 MLRA 536; [1995] 2 MLJ 442; [1995] 3 CLJ 627 *Mior Rosli bin Mior Mohd Jaafar v. Mahkamah Perusahaan Malaysia & Anor* [2010] 12 MLRH 352; [2010] 1 LNS 1539 *Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia v. Noordin Hassan* [1996] 1 CLJ 274; [1996] 1 AMR 030; [1995] 2 MLRA 185; [1990] 3 MLJ 495]

- n. Isu yang dibangkitkan oleh Pemohon secara 'serang hendap' bukan sahaja melanggar prinsip Semakan Kehakiman seperti yang termaktub di dalam Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 tetapi jelas telah memprejudiskan Responden yang tidak berpeluang untuk menjawab isu tersebut.
- o. Tambahan pula, Pemohon adalah terikat dengan prinsip pliding. Sekiranya ianya tidak diplidkan di dalam Kenyataan (Statement) maka Pemohon adalah dihalang daripada membangkitkannya di perbicaraan Permohonan Semakan Kehakiman nanti.

[Sila rujuk *Ranjit Kaur a/p Gopal Singh v. Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd* [2010] 8 CLJ 629; [2010] 5 MLRA 696; [2010] 6 MLJ 1; [2011] 3 AMR 38]

[26] Atas apa yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpandangan isu yang dibangkitkan oleh Pemohon adalah tidak bermerit.

Sama ada Inspektor Raveendharan a/l Sangaran adalah pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani Pernyataan Bertulis di bawah seksyen 4(2)(a)(ii) Akta tersebut.

[27] Seksyen 4(2)(a)(ii) Akta tersebut memperuntukkan Pegawai Polis yang diberi kuasa untuk menandatangani Pernyataan Bertulis adalah pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguin (ASP).

[28] Mahkamah ini mendapati perenggan 10 Afidavit Jawapan Inspektor Raveendharan a/l Sangaran (Lampiran 14) menjadi isu kepada Pemohon kerana Inspektor Raveendharan telah membuat pernyataan yang beliau telah menandatangani pernyataan bertulis yang dieksibit dalam Afidavit Jawapannya (Lampiran 14) tersebut.

[29] Perenggan 10 Afidavit Inspektor Raveendharan (Lampiran 14) mengatakan:-

10. Seterusnya, pada 12.08.2020, Pemohon telah dibawa ke hadapan Majistret Aina Azahra binti Arifin di bawah subseksyen 4(2)(a) Akta tersebut di mana satu Perintah Reman telah diperolehi terhadap Pemohon selama 38 hari bermula dari 12.08.2020 sehingga 18.09.2020. Sesalinan Waran Menahan yang ditandatangani oleh Majistret Aina Azahra binti Arifin bertarikh 12.08.2020 dilampirkan dan ditandakan sebagai ekshibit “RS-4” dalam Afidavit saya ini. Di dalam prosiding tersebut, Pernyataan bertulis Timbalan Pendakwa Raya yang telah ditandatangani oleh Tuan Adam bin Mohamed, Timbalan Pendakwa Raya bertarikh pada 07.08.2020 telah dikemukakan yang menyatakan bahawa beliau berpendapat terdapat keterangan yang mencukupi untuk mewajarkan diadakan suatu siasatan di bawah seksyen 9 Akta tersebut. Sesalinan Pernyataan Bertulis Timbalan Pendakwa Raya di bawah subseksyen 4(2)(a)(i) Akta tersebut yang telah ditandatangani oleh Tuan Adam bin Mohamed, Timbalan Pendakwa Raya dilampirkan dan ditunjukkan di sini sebagai ekshibit “RS-5” dalam Afidavit saya ini. **Turut dikemukakan dalaril presiding** tersebut adalah Pernyataan Bertulis Pegawai Polis di bawah subseksyen 4(2)(a)(ii) Akta tersebut yang telah ditandatangani oleh saya bertarikh pada 12.08.2020 yang menyatakan bahawa suatu siasatan di bawah seksyen 9 Akta tersebut hendak diadakan berkenaan kes bagi Pemohon. Sesalinan Pernyataan Bertulis Pegawai Polis di bawah subseksyen 4(2)(a)(ii) Akta tersebut yang ditandatangani oleh saya dilampirkan dan ditunjukkan di sini sebagai ekshibit “RS-6” dalam Afidavit saya ini.

(penekanan diberikan)

[30] Setelah mahkamah ini meneliti pernyataan Inspektor Raveendharan (Lampiran 14) dan pernyataan bertulis di eksibit “RS-6” tersebut mahkamah mendapati adalah jelas Pernyataan Bertulis tersebut ditandatangani oleh ASP Kunus Anak William Gaya Ganya seorang pegawai polis berpangkat Penolong Penguin Polis (ASP).

[31] Ini jelas dapat dilihat dieksibit “RS-6” seperti di bawah:-

Frederick Ang King Poh Iwn Abdul Rasid bin Sudin Pengurus, Lembaga Pencegahan Jenayah dan lain-lain
[2022] MLJU 91


PERNYATAAN BERTULIS PEGAWAI POLIS DI BAWAH
SEKSYEN 4 (2)(a) (ii) AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959 (AKTA 297)

PENAMA : FREDERICK ANG KING POH

NO KAD PENGENALAN : 920124-10-5341

Setelah meneliti keterangan-keterangan yang terdapat dalam kes bagi penama tersebut di atas; maka saya **ASP G/19802 KUNUS ANAK WILLIAM GANYA**, seorang pegawai polis berpangkat **PENOLONG PENGUASA POLIS**, dengan ini menyatakan dan berpendapat bahawa suatu ikuiri di bawah **Seksyen 9 Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297)** hendak diadakan berkenaan dengan kes bagi penama di atas.

Bertarikh pada 12 hb OGOS, 2020


.....
(CopRasmil)
(MyditikorWNanu GAYA)
ASP Siasatan Kej Faill / Soalsiasi (2)
Jabatan Siasatan Jenayah Komersil
Bukit Aman

*pegawai polis hendaklah berpangkat ASP ke atas

[32] Berdasarkan kepada fakta di atas, mahkamah ini bersetuju dengan penjelasan dan hujahan Responden bahawa terdapat kesilapan perkeranian (clerical error) di dalam penyediaan Afidavit tersebut yang telah menyebabkan perkataan yang sepatutnya dinyatakan sebagai "ditandatangani oleh ASP G/19802 Kunus Anak William Gaya" telah tersalah dinyatakan sebagai "ditandatangani oleh saya".

[33] Oleh yang demikian, mahkamah ini berpandangan kesilapan fakta di perenggan 10 Afidavit Jawapan

Inspektor Raveendharan adalah akibat kesilapan perkeranian semata-mata yang mana mahkamah ini berpendapat tidak memberi kesan yang ‘fatal’ kepada kes Responden kerana ianya adalah merupakan kesilapan menaip semata-mata yang tidak menyebabkan sebarang prejudis kepada kes Pemohon.

[34] Mahkamah ingin merujuk kepada kes *Tay Lay Beng v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri* [2004] 2 MLRH 837; [2005] 3 MLJ 253; [2004] 8 CLJ 674 apabila Balia Yusof Wahi JC (pada ketika itu) telah berkata:-

[6] “In my considered view, having perused the facts stated in para. 3 of the Affidavit in Encl. 7 and exh. “WAN I” accompanying it and as against the whole background of the case and all the other facts which are gathered from the Affidavits filed in this application. I hold that the mistake as to the date in para.3 of encl.7 is not material and is not prejudicial to the applicant. I accept it as an established fact that the applicant was arrested on 26 March 2003 and clearly the date 10 August 2001 in the said para. 3 is a typographical error at the most.”

(penekanan diberikan)

Kesimpulan

[35] Mahkamah berpandangan kesilapan tersebut adalah merupakan satu kesilapan perkeranian yang tidak mewujudkan percanggahan fakta yang material yang boleh memprejudis Pemohon.

[36] Oleh yang demikian, kedua-dua isu yang dibangkitkan oleh Pemohon adalah tidak bermerit. Permohonan Semakan Kehakiman Pemohon di Lampiran 7 adalah ditolak dengan kos sebanyak RM 2,000.00 kepada semua Responden secara global.